

**Najib: Sekalipun darurat, hak Melayu tetap terpelihara**  
**Malaysiakini.com**  
**October 21, 2010**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata kedudukan dan hak-hak Melayu dilindungi sepenuhnya serta "terkunci kemas" dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa dapat digugat lagi dan kenyataan ini wajar diterima oleh semua kaum negara ini.

Najib yang juga Presiden Umno berkata asas berkenaan adalah kontrak yang dimuafakat bapa-bapa pengasas yang mewakili semua kaum ketika negara di ambang kemerdekaan.

Katanya, polemik berhubung isu kerakyatan selepas merdeka dan hak istimewa orang Melayu sudah menjadi perdebatan akademik kerana ia sudah terpatery kemas.

"Seandainya mempunyai majoriti dua pertiga dalam parlimen pun, tidak mampu mengubah apa-apa jua tanpa kebenaran majlis yang dianggotai sembilan orang Raja-raja Melayu," katanya.

"Dalam kata lain, sia-sia sahaja jerit pekik untuk menggunakan peruntukan tentang kerakyatan bagi mengancam kaum lain kerana peruntukan yang tertulis ini begitu konkrit sekali pun darurat diisytiharkan ia tetap tidak boleh disinggung."

Menyampaikan ucapan dasarnya di perhimpunan agung Umno pagi ini, perdana menteri berkata, sama ada suka ataupun tidak, peruntukan tersebut diletakkan di luar forum perbincangan.

"Jika dibuka juga kepada perbahasan, maka kita bimbang, kita kluatir, ia akan membangkitkan keresahan serta mengapi-apikan *primordial instinct* atau nalusi asal wujud antara etnik," katanya.

Tambahnya, berdasarkan perjalanan sejarah, tidak kira berapa maju pun ekonomi sesebuah tamadun, betapa terpelajarnya manusia, betapa tinggi tahap toleransi, sekiranya naluri asal itu wujud dan tidak diurus dengan baik, mungkin kezaliman yang sangat dahsyat akan terjelma.

"Di abad ke-20 kita telah dipampangkan dengan kes-kes hukuman tanpa perbicaraan di Amerika Syarikat, tragedi Holocaust di benua Eropah, penyembelihan rakyat Palestin di Asia Barat serta penghapusan etnik di Bosnia dan Rwanda.

Jadi, bayangkanlah, apakah kesudahannya, jika setiap generasi rakyat Malaysia mengambil pendirian untuk mempersoal kewajaran kontrak sosial kebangsaan yang telah dimuafatkan pendahulu mereka sebelum ini."

Malah, Najib berkata, di zaman ini ia akan lebih pantas mereba, terutama dalam dunia tanpa sempadan ekoran kecanggihan sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang sentiasa berkembang.

"Pucuk pangkalnya, saudara dan saudari, mengapa mahu diubah apa yang telah berjalan dengan begitu baik. Janganlah yang elok menjadi retak, janganlah yang bersambung menjadi putus," jelasnya.

Sebelum itu, menyentuh soal tanggungjawab moral dalam hubungan kaum, presiden Umno juga menyatakan kekusarannya terhadap pihak yang mula mempersoalkan kedudukan

bangsa Melayu yang menimbulkan rasa tidak puas hati.

"Ibarat api dalam sekam, perasaan ini telah mula membara dan mungkin menular sehingga berupaya merosakkan keharmonian perhubungan ras yang telah terjalin semenjak dahulu," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145961>